

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1994/95**

APRIL 1995

RPG 435 - Pemetaan dan Foto Udara

Masa : 3 jam


Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan sahaja.


1. Apakah komponen-komponen penting dalam rekabentuk peta seperti yang dianjurkan oleh Cartomium. Bincangkan secara ringkas setiap komponen.

(20 markah)

2. Peta A dan Peta B memaparkan persembahan peta yang kurang baik. Bincangkan apakah kelemahan-kelemahan setiap peta dan cadangkan penyelesaian yang terbaik.



Peta A



Peta B

(20 markah)

3. Pentafsiran foto berlaku dalam beberapa peringkat yang sistematik satu tatacara tiga peringkat yang biasa diikuti ialah:

- i) pemeriksaan umum
- ii) pengecaman
- iii) penkelasan

Bincangkan apakah yang berlaku pada setiap peringkat.

(20 markah)

...2/-

4. Peta topografi adalah penting dalam penyediaan Pelan Pemeringkatan. Bincangkan dengan menggunakan lakaran dan contoh-contoh hipotetikal bagaimana peta topografi digunakan dalam menyediakan pelan pemeringkatan.

(20 markah)

5. Dengan menggunakan kaedah 'Grid', berapakah jumlah tanah (dalam ela padu) yang perlu dikorek untuk tujuan pembinaan sebuah kolam renang sepertimana yang ditunjukkan.

Catatan: Bahagian yang besar (B.E. 57.2) ialah bahagian yang cetek dan bahagian (B.E. 50.5) adalah bahagian yang lebih dalam.

(20 markah)

6. Sebuah rumah kedai akan didirikan pada suatu kawasan yang sudah dikenalpasti. Dengan menggunakan peta topografi yang disediakan, anda dikehendaki menyediakan pelan pemeringkatan tapak yang meliputi perkara-perkara berikut:


- (a) Pilih satu asas tampak (pad elevation) yang sesuai.
- (b) Lukiskan pelan pemeringkatan yang menunjukkan potong (cut) dan/atau timbus (fill). Wujudkan perseimbangan antara keduanya.
- (c) Pelan pemeringkatan yang anda lukiskan perlu mengambilkira kewujudan 'swale'.
- (d) Dengan mengambilkira kaedah 'Grid', kira jumlah potong dan timbus dalam ela padu.

(20 markah)


7. Sebagai seorang perancang bandar, anda diperlukan untuk merancang pembangunan sesuatu kawasan. Sila rujuk kepada peta topografi di bawah dan jawab soalan-soalan berikut?

- (a) Berapakah skala peta tersebut?
- (b) Tunjukkan 3 rangkaian banjaran daripada peta topografi yang disediakan?
- (c) Nyatakan 3 puncak yang dapat anda kenalpasti.
- (d) Lakarkan lembah Sungai Anderson.
- (e) Lukiskan kawasan tadahan air pada kulvet di lokasi B.

(20 markah)



SOALAN 6



SOALAN 7

